

# Pegawai yang buat silap akan diambil tindakan

KUALA LUMPUR 10 Feb. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, menegaskan tindakan akan diambil ke atas pegawai kerajaan yang menyebabkan berlakunya kesilapan dalam kiraan mata gaji sehingga ada yang menerima gaji lebih daripada yang sepatutnya mereka terima.

Bagi kakitangan yang tidak melakukan kesalahan tetapi tersilap, mereka hendaklah membetulkan kesilapan yang telah mereka lakukan, katanya.

"Ini salah satu daripada sifat mulia... kalau dah ambil duit lebih, kita kena bayar balik dan kita akan timbang cara yang adil kerana kita bukan hendak menyusahkan sesiapa," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini

Oleh  
**Hanafiah Man**

malam ini semasa ditanya laporan akhbar yang menyatakan kerajaan telah tersilap memberikan gaji lebih kepada 25,000 kakitangannya sejak 10 tahun lalu.

Dilaporkan lebih 25,000 kakitangan menerima gaji lebih daripada yang sepatutnya mereka terima kerana kesilapan dalam pemindahan mata gaji.

Menurut Dr. Mahathir, adalah tidak adil jika kakitangan yang telah menerima gaji lebih tidak membayar balik kerana terdapat kakitangan yang tidak menerima gaji lebih seperti mereka.

Katanya, jika mereka tidak boleh bayar balik sekali gus,

kerajaan akan mencari jalan untuk menyelesaikan perkara tersebut.

"Kita bukan hendak tekan sesiapa tetapi kalau sudah ambil duit lebih dia kena bayar balik," tambah beliau.

Ditanya bantahan yang dibuat oleh CUEPACS supaya kakitangan yang menerima gaji lebih tidak diminta membayar balik, Dr. Mahathir menyatakan, itu hak CUEPACS untuk membantah tetapi hak kerajaan ialah mengambil balik wang tersebut.

Katanya, wang tersebut adalah amanah rakyat dan adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk mengawalinya dengan baik.

Ditanya jumlah wang yang terlibat, beliau berkata: "Saya pun tidak tahu, cuma saya mendapat tahu daripada surat khabar... untunglah ada surat khabar."